

Elemen Cina Peranakan Dalam Tarian Menora Di Kelantan

Chinese Peranakan Elements In The Menora Dance In Kelantan

Norsyakilah Binti Mat Hassan
Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff

Program Persuratan Melayu,
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Correspondence : Norsyakilah Binti Mat Hassan (Syakilahkila55@yahoo.com),
Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff (yuszaidy@ukm.edu.my)

ABSTRAK

Kertas kerja ini membincangkan mengenai elemen Cina dalam tarian Menora di Kelantan. Menora merupakan teater tari tradisional rakyat yang biasanya dimainkan pada pesta-pesta berkaitan dengan upacara dan perayaan Budha yang diadakan di Wat Budha. Masyarakat cina tempatan apabila berkahwin dengan orang Siam di Kelantan telah membentuk satu komuniti yang dipanggil Cina Peranakan. Mereka mengamal cara hidupan masyarakat Siam sehingga berlaku asimilasi budaya Cina dan Siam. Penghubungan yang erat telah menghasilkan penglibatan masyarakat Cina Peranakan dalam apa jua upacara dan perayaan sehingga telah berlaku penyerapan masuk elemen budaya cina ke dalamnya. Penyerapan yang berlaku banyak berlaku terutamanya pada seni tradisi tradisional iaitu tarian Menora. Kajian ini dilakukan bagi untuk menganalisis elemen-elemen Cina dalam Menora. Objektif kajian ini untuk mengenal pasti elemen-elemen cina dalam tarian menora. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian etnografi iaitu kajian lapangan dalam mengutip data-data kajian. Kajian lapangan dibahagikan kepada dua iaitu kajian lapangan dengan menggunakan teknik pemerhatian dan temubual secara berfokus. Bagi kajian di perpustakan dengan merujuk pada bahan-bahan bertulis dan bercetak untuk memperolehi maklumat untuk kajian. Teknik yang digunakan seperti analisis teks, bacaan rapi dan wacana. Kertas kerja ini menggunakan teori asimilasi sebagai garis panduan dalam usaha mencari maklumat untuk kajian ini. Hasil dapatkan mendapati bahawa wujudnya pengaruh Cina peranakan dalam seni tarian Menora. Justuru itu kajian ini diharap dapat memberi sumbangan yang bermakna kepada bidang kajian etnografi yang berkaitan dengan Cina Peranakan.

Kata kunci: Tarian Menora, Tradisional, Cina Peranakan, asimilasi, elemen, Siam.

ABSTRACT

This paper discusses about the Chinese Peranakan elements in the Menora dance in Kelantan. Menora is a traditional folk dance theater that is normally played at parties and festivals related to the Buddhist ceremony held at Wat Buddha. The local Chinese community when married to the Siamese in Kelantan has formed a community called Peranakan Chinese. They practice how public life conjoined to happen asimilation Chinese culture and Siam. The close linkage has resulted Peranakan Chinese community involvement in any ceremony and celebration that had happened absorption enter the Chinese cultural elements into it. Absorption happens a lot going on particularly in the art of traditional dance tradition Menora. This study was conducted to analyze the elements of China in Menora. The objective of this study to identify the elements of Chinese dance menora. This study used ethnographic research approach in the field of study cites survey data. The study is divided

into two, namely the field study using observation and interview techniques for focusing. For the study in the library by reference to written materials and printed to obtain information for the study. Techniques used include text analysis, and systematic reading of the passage. This paper uses the theory of assimilation as a guide in the search for information for this study. The results found that the influence of the Peranakan Chinese in the art of dance Menora. Therefor this study is expected to provide a meaningful contribution to field of study ethnographic related to the Peranakan Chinese.

Key word: Menora dance, Traditional, Peranakan Chinese, assimilation, elements, Siam

1. Pengenalan

Negeri Kelantan mempunyai pelbagai budaya dan kepercayaan yang membentuk negeri yang banyak mempunyai seni persembahan tadisional yang amat menarik. Masyarakat yang terdiri daripada masyarakat iaitu Melayu, Cina, India, Orang Asli dan Orang Siam serta tidak ketinggalan masyarakat yang membentuk komuniti baharu iaitu masyarakat Cina peranakan. Masing-masing mempunyai budaya dan seni yang menjelaskan identiti dan perwatakan masing-masing. Bagi masyarakat cina peranakan yang terhasil melalui penghubungan perkahwinan antara masyarakat Cina tempatan dengan komuniti Siam yang telah lama menetap di Kelantan. Melalui perkahwinan ini telah membentuk satu budaya dan seni yang tersendiri. Mereka telah mewujudkan komuniti yang sendiri yang berhampiran dengan watwat budha.

Penglibatan cina peranakan dalam upacara dan perayaan berkaitan dengan budha terutamanya dalam persembahan tarian menora. Tarian Menora dipersembahkan dalam watwat budha yang sempena dengan upacara berkaitan dengan kelahiran budha. Tarian menora mendapat sambutan di kalangan masyarakat cina peranakan sehingga ada yang terbabit sebagai alat muzik dan tidak ketinggalan telah menjadi penari utama dalam tarian menora. Penari utama ini yang mengetuai tarian menora dalam setiap persembahan sehingga mewujudkan asimilasi terhadap tarian itu terutama dari segi pakaian, makanan dan pergerakan. Elemen-elemen ini yang akan dikaji untuk mengenal pasti elemen cina dalam tarian menora.

2. Tinjauan Literatur

Berdasarkan pada kajian lepas, pengkaji telah merujuk dan membuat perbandingan berdasarkan hasil kerja latihan ilmiah yang telah diterbitkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu yang telah mengkaji unsur-unsur Menora. Kajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji dapat memberi panduan dan gambaran dengan lebih jelas dan terperinci mengenai Menora di Kelantan kepada pengkaji.

Kajian lepas yang dirujuk ialah berdasarkan latihan ilmiah yang dihasilkan oleh Baharin Ilias yang bertajuk “Cerita-Cerita Menora Suatu Analisis” pada tahun 2009. Keseniaan Menora tidak dapat dipisahkan dalam kebudayaan masyarakat minoriti Siam. Justeru itu, kajian ini lebih menekankan dan menyentuh kepada cerita-cerita Menora di Kampung Bukit Yong. Hal ini kerana, cerita-cerita dalam Menora memainkan peranan penting dalam memastikan kesenian Menora dapat disampaikan dengan keadaan yang menarik dan dapat menarik minat penonton untuk melihat persembahan Menora yang diadakan. Cerita-cerita yang disampaikan juga perlulah diperjelaskan dengan lebih terperinci supaya masyarakat mudah memahami serta dapat membezakan dengan cerita-cerita yang lain mengikut suatu daerah dengan daerah yang lain.

Pengkaji juga turut merujuk kajian lepas berdasarkan latihan ilmiah yang dihasilkan oleh Mohd Hafifi bin Nasir iaitu "Kumpulan Menora Chom Cahaya Bulan: Satu Kajian Aspek Persembahan" pada tahun 2009. Kajian ini telah menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai aspek-aspek persembahan Menora dalam kumpulan Menora Chom Cahaya Bulan di Kampung Jubakar Darat, Tumpat Kelantan. Hal ini demikian kerana, keseniaan Menora tersebar meluas di negeri Kelantan melalui penghijrahan minoriti masyarakat Siam yang menetap di Kelantan. Penghijrahan masyarakat Siam di Kelantan menyebarkan tersebarnya keseniaan Menora sehingga tercetusnya penubuhan kumpulan Menora Chom Cahaya Bulan. Kumpulan Menora Chom Cahaya Bulan merupakan salah satu kumpulan yang masih aktif di Kelantan serta turut memperlihatkan kepimpinan dan kewibawaan seorang penggiat iaitu Eh Chom a/l Eh Kuan. Melalui penubuhan kumpulan Menora Chom Cahaya Bulan dalam kalangan masyarakat telah membawa kepada penerimaan masyarakat Siam, Melayu dan Cina sehingga membawa membentuk masyarakat yang majmuk terhadap persembahan yang diadakan.

Selain itu, dalam latihan ilmiah yang dihasilkan oleh Mohd Faizal bin Halim iaitu pada tahun 2000 "Cerita-cerita Menora Eh Chom Cahaya Bulan: Satu Analisis" yang lebih menumpukan kepada tokoh Menora itu sendiri iaitu Eh Chom a/l Eh Kuan serta menyentuh kepada persembahan yang dilakukan oleh tokoh itu sendiri. Kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk membolehkan aktiviti-aktiviti pemuliharaan kesenian Menora di Kelantan dapat dilakukan serta membentuk keharmonian dalam masyarakat setempat.

Kajian lepas yang dirujuk juga berdasarkan kertas kerja Raja Masittah Raja Ariffin yang bertajuk Menora yang menjelaskan bahawa Menora merupakan kesenian lama yang dipuja oleh masyarakat Thai serta masyarakat Thai di negeri Kedah dan Kelantan. Kumpulan Menora yang dianggap paling berjaya ke hari ini ialah kumpulan yang masih mengekalkan unsur-unsur tarian tradisional dan *comic verse* seperti 'Luk Thung dengan pemain-pemainnya yang terdiri daripada orang tempatan. Menurut Raja Masittah Raja Ariffin menjelaskan bahawa kumpulan Menora yang kecil biasanya terdiri daripada 12 orang pemain dan kumpulan yang lebih besar mengandungi lebih jumlah pelakon, penari, ahli-ahli muzik dengan pembantu yang lain, berjumlah 25 atau 30 orang. Kini, persembahan Menora dilihat lebih condong kepada urusan keagamaan iaitu persembahan yang diadakan sebagai satu upacara tahunan di daerah atau wilayah ataupun upacara yang dianjurkan dan dibiayai oleh kuih-kuih untuk mengutip derma.

Daripada kajian lepas didapati tiada kajian yang menjurus kepada elemen-elemen cina dalam tarian menora. Hal ini yang telah menarik perhatian kepada untuk menghasilkan satu kajian yang berbeza dengan sebelum ini. Penulisan kertas kerja ini diharap dapat membentuk kepada penulis untuk menghasilkan satu kajian yang lebih bermakna dengan elemen-elemen cina dalam tarian menora.

3. Objektif Kajian

Kajian ini mengenal pasti mengenai elemen Cina dalam tarian Menora.

4. Metodologi Kajian

Dalam kertas kerja ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kajian etnografi yang menggunakan pendekatan kualitatif. Pendekatan kualitatif menggunakan dua kaedah iaitu kerja lapangan dan kajian diperpustakaan. Pada peringkat awal kajian, mengutip dan mengumpul bahan adalah penting untuk melihat kajian-kajian yang lepas untuk menghasilkan

idea-idea berkaitan dengan kajian yang hendak dilakukan. Proses ini menggunakan kaedah perpustakaan yang dilakukan di Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL) dan Perpustakaan Institut Alam, Tamadun Melayu (PATMA) dan Perpustakaan Jabatan Pengajaran Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (UKM). Bahan-bahan yang dikutip dan dikumpulkan akan disaring menggunakan teknik analisis kandungan teks, bacaan rapi dan wacana supaya benar-benar memperolehi bahan-bahan yang diperlukan untuk kajian ini.

Kaedah lapangan adalah amat penting untuk memperolehi maklumat yang diperlukan untuk menyelesaikan kajian ini. Dua kaedah digunakan kerana difikirkan sesuai dengan kajian yang dijalankan iaitu pemerhatian dan berfokus. Kaedah pemerhatian ini telah menggunakan teknik emik dan etik untuk memperolehi bahan-bahan yang sesuai supaya tidak terkeluar daripada garis panduan semasa mengutip bahan. Keadah pemerhatian dijalankan selama seminggu dengan penambahan masa amat perlu apabila maklumat yang diperlukan tidak mencukupi. Pada waktu yang sama kaedah temu bual dilakukan dalam dua bentuk iaitu secara berfokus dan berkumpulan. Secara berfokus hanya merujuk kepada ketua pengiat untuk memperolehi maklumat yang sahih dan betul. Pengkaji telah menemu bual seorang tokoh Cina peranakan yang bergiat aktif dalam persembahan seni tradisional iaitu Encik Eyo Hock Seng. Bagi kaedah kedua temu bual secara berkumpulan hanya merujuk kepada mereka terbabit dengan persembahan tradisional tarian menora seperti pemuzik, pelapis penari dan organisasinya. Alat sokongan seperti alat perakam suara, video dan buku log yang digunakan oleh pengkaji ialah dengan merekod segala perbualan yang dilakukan oleh pengkaji bersama tokoh yang ditemu bual. Hal ini dapat dijadikan sebagai bukti serta dapat membantu pengkaji dalam melakukan penyelidikan ini.

5. Teori Asimilasi

Kertas kerja ini telah mengaplikasikan teori asimilasi iaitu dengan merujuk kepada beberapa rujukan yang berkaitan konsep yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh yang memperkenalkannya. Asimilasi merujuk kepada perubahan etnik (hanya bersifat sehala) (Tan Chee Beng, 1984: 190). Istilah asimilasi berasal daripada perkataan Latin iaitu, *assimilare* yang bererti menjadi sama. Proses asimilasi terjadi apabila beberapa identiti etnik mengalami perubahan dan mungkin kehilangan identiti melalui proses asimilasi. Menurut Koentjaraningrat, menyatakan bahawa proses asimilasi terjadi sekiranya jumlah pensyaratannya telah dipenuhi. Pertama, adanya kelompok-kelompok manusia yang berbeza kebudayaannya. Kedua, individu-individu sebagai anggota kelompok itu saling berinteraksi secara langsung dan intensif dalam waktu yang relatif lama. Ketiga kebudayaan-kebudayaan dari kelompok manusia tersebut masing-masing berubah dan saling menyesuaikan diri.

Menurut Gordan dalam (*Assimilation in American Life*, 1968) telah mengemukakan suatu model asimilasi yang terjadi dalam proses multi-tingkatan. Elemen asimilasi yang dikemukakan Gordan terbahagi kepada tujuh elemen. Pertama, elemen asimilasi budaya atau perilaku. Asimilasi budaya atau perilaku saling berhubung kait dengan perubahan pola kebudayaan untuk menyesuaikan diri dengan kelompok minoriti. Elemen yang kedua ialah asimilasi struktural yang berhubungan dengan pertalian dengan kelompok minoriti secara besar-besaran pada tingkat kelompok primer. Ketiga, asimilasi perkahwinan yang terjadi melalui perkahwinan antara satu sama lain secara besar-besaran. Keempat, asimilasi identifikasi yang bertalian dengan kemajuan rasa kebangsaan secara ekslusif berdasarkan kelompok minoriti. Kelima, asimilasi penerimaan sikap yang mana tidak ada prasangka dari kelompok minoriti. Keenam, asimilasi penerimaan perilaku terjadi kerana tidak adanya diskriminasi dari kelompok masyarakat. Ketujuh, asimilasi kewarganegaraan yang berhubung

kait dengan tidak adanya pembentukan atau konflik nilai dan kekuasaan dengan kelompok majoriti.

Melalui teori yang dibincangkan, pengkaji tidak menfokuskan kepada keseluruhan aspek-aspek teori asimilasi malah menfokuskan kepada satu elemen sahaja iaitu asimilasi budaya. Asimilasi budaya dipilih kerana pengkaji merasakan teori ini bersesuaian dengan asimilasi Cina Peranakan di Kelantan. Asimilasi budaya atau perilaku merujuk kepada perubahan yang terdapat pada pola-pola atau ciri-ciri budaya kelompok etnik minoriti. Pola atau ciri budaya tersebut mempunyai hubungan dengan bahasa, nilai-nilai, pakaian dan makanan. Perubahan pola atau ciri budaya akan dipandang lengkap jika memperoleh pola-pola budaya peribumi. Dalam asimilasi budaya atau perilaku, anggota kelompok minoriti boleh mengekalkan sebahagian daripada ciri-ciri asli mereka atau sebaliknya membuang ciri-ciri lainnya.

Cina Peranakan di Kelantan jelas memperlihatkan asimilasi budaya dalam kehidupan mereka. Hal ini dilihat dari segi kebudayaan yang dipersembahkan komuniti Cina Peranakan dalam kehidupan mereka. Asimilasi budaya dan perilaku yang dilihat menjadi pengukur dalam asimilasi Cina Peranakan di Kelantan dari segi pakaian, bahasa, nilai-nilai dan makanan dan kesenian. Dari segi asimilasi budaya dan perilaku, komuniti Cina Peranakan dilihat menerapkan masuk kebudayaan asing dalam diri mereka dan mempraktikan kebudayaan itu sehingga menjadi tradisi kepada mereka. Hal ini dapat dilihat melalui seni kebudayaan Menora yang diperlakukan dalam komuniti Cina Peranakan sehingga menjadi tradisi dalam komuniti itu. Penyerapan elemen Cina dalam tradisi Menora dapat dilihat dari segi aspek kewujudan Menora dalam komuniti Cina Peranakan, kepercayaan dan pemakaian Menora dalam komuniti Cina Peranakan (Eyo Hock Seng, 2017).

6. Hasil Perbincangan

Menora merupakan teater tari tradisional rakyat yang terdapat di Malaysia dan Thailand. Persembahan teater tari tradisional ini amat popular di Kelantan yang merangkumi tiga aspek iaitu nyanyian, tarian dan lakonan. Persembahan teater tari tradisional berasal daripada selatan Thailand dan masih lagi dipersembahkan oleh masyarakat Thai di Kelantan, Kedah, Perlis dan Terengganu. Menora juga sering dikenali sebagai ‘Manora’ atau ‘Nora (Mohd Faizal bin Halim. 2000). Lazimnya, Menora selalu dipersembahkan pada sebelah malam dan petang. Persembahan Menora selalu diadakan bagi untuk mengisi masa lapang masyarakat yang terluang pada sebelah petang dan adakalanya persembahan ini dijadikan sebagai hiburan dalam kalangan masyarakat. Persembahan Menora merupakan persembahan yang dimainkan di Kelantan yang seakan-akan sama dengan Makyong. Namun Makyong dan Menora mempunyai perbezaan yang ketara dari segi tarian dan nyanyian.

Persembahan Menora selalunya dipersembahkan oleh kaum lelaki. Kemudian, persembahan ini dibantu oleh kaum perempuan seramai 6 orang yang dikenali sebagai inang-inang (Eyo Hock Seng, 2017). Persembahan ini didominasi oleh kaum lelaki yang memegang watak sebagai pemaisuri. Untuk memegang watak ini, seseorang individu mestilah fasih berbahasa Siam serta bahasa-bahasa lain bagi untuk memudahkan komunikasi di antara inang-inang yang lain. Persembahan Menora juga turut dianggotai oleh kumpulan Menora yang kecil yang biasanya terdiri daripada dua belas orang pemain. Manakala bagi kumpulan Menora yang lebih besar turut dianggotai oleh pelakon, penari dan ahli-ahli muzik dan pembantu yang lain iaitu berjumlah di antara dua puluh lima sehingga tiga puluh orang. Sejarah kewujudan Menora berasal daripada Selatan Thailand seperti Surat, Nauhon,

Sitthommorat, Phattalung, Songkhla dan Trung (Mohd Faizal bin Halim, 2000). Namun, persembahan Menora dilihat tersebar meluas di Kelantan, Kedah dan Perlis.

Dari Selatan Thailand, Menora dibawa masuk ke Kelantan dan akhirnya berkembang di negeri Kelantan dan menjadi teater tradisional rakyat. Persembahan Menora selalunya dilakukan pada selepas waktu musim menuai padi. Musim lain yang menjadi pusat persembahan Menora iaitu pada musim tengkujuh. Penghijrahan kumpulan Menora yang suatu ketika dahulu yang bergerak dari satu tempat ke tempat semata-mata untuk mencari pendapatan selepas menuai padi. Secara tidak langsung mewujudkan perkahwinan campur antara masyarakat Siam dengan masyarakat Cina Peranakan. Keadaan ini telah membentuk satu komuniti baru yang dikenali sebagai Cina Peranakan. Perhubungan yang erat antara masyarakat ini membentuk satu kebudayaan yang baru sehingga berlaku penyerapan masuk elemen Cina dalam kebudayaan tersebut.

Hasil kajian yang diperolehi pengkaji mendapati bahawa elemen-elemen Cina dalam Peranakan sukar didapati dalam masyarakat Cina Peranakan. Mungkin, elemen-elemen Cina dalam persembahan Menora tidak dipraktikan oleh masyarakat Cina Peranakan disebabkan faktor pengaruh Siam yang tinggi dalam persembahan Menora. Menurut Eyo Hock Seng, yang menyatakan bahawa elemen Cina yang terdapat dalam Menora sukar ditemui dan hanya merangkumi beberapa peratus sahaja berbanding dengan unsur-unsur Siam (Eyo Hock Seng, 2017). Unsur-unsur Siam masih mendominasi persembahan Menora dalam kalangan masyarakat kerana persembahan Menora berasal daripada Thailand yang membawa masuk kebudayaan mereka tersendiri. Walaupun persembahan Menora telah dipermodenkan oleh generasi Cina Peranakan, namun tidak mengubah identiti Siam malah turut membawa masuk pengaruh Cina dalam kehidupan mereka. Justeru itu, penyerapan masuk elemen Cina dalam seni persembahan Menora dilihat tidak merangkumi secara keseluruhan iaitu dari segi kewujudan Menora, kepercayaan dan pakaian masyarakat Cina Peranakan dalam tarian Menora.

6.1 Menora dan komuniti Cina Peranakan

Penyerapan masuk elemen Cina dalam tradisi Menora dilihat dari segi sejarah kewujudan Menora dalam masyarakat Cina Peranakan. Menurut Eyo Hock Seng, menyatakan bahawa pada dasarnya masyarakat Cina Peranakan tidak mempunyai sebarang bentuk kebudayaan yang bercorak cerita (Eyo Hock Seng, 2017). Melalui ini, masyarakat Cina Peranakan dilihat menerapkan dan menyesuaikan diri dengan kebudayaan tempatan iaitu dengan mempraktikkan kebudayaan itu dalam kehidupan seharian mereka. Penyerapan elemen Cina ini juga mungkin terjadi melalui pengikutan masyarakat Cina Peranakan dalam persembahan Menora seperti yang dianjurkan oleh masyarakat Siam di Wat Buddha ataupun melalui faktor yang lain. Mungkin, penyerapan elemen Cina ini terjadi melalui melalui perkahwinan campur antara komuniti Siam. Melalui perkahwinan itu, masyarakat Cina Peranakan dapat mempelajari dan mewarisi persembahan Menora. Hal ini demikian kerana, bukan calang-calang orang yang boleh membawa persembahan ini kerana memerlukan masa yang panjang untuk mempelajari persembahan ini.

Tokoh yang membawa persembahan Menora dikenali dan tersebar meluas dalam masyarakat Cina Peranakan iaitu Jokcin. Menurut Eyo Hock Seng, Jokcin merupakan masyarakat Cina Peranakan yang dikaitkan dengan Menora dalam lingkungan 40 tahun dahulu dan merupakan orang yang pertama membawa persembahan Menora dalam kehidupan seharian mereka bagi memenuhi tuntutan kelangsungan masyarakat tersebut (Eyo Hock Seng, 2017). Jokcin berasal daripada Kampung Tokkong iaitu Kok Lanas Kota Bharu,

Kelantan. Kampung Tokkong merupakan sebuah penempatan yang menempatkan masyarakat Cina Peranakan dan dari perkampungan itu Menora dipersembahkan dalam masyarakat Cina Peranakan. Menora dikatakan sangat terkenal di perkampungan itu dan selalu dipersembahkan oleh masyarakat Cina Peranakan. Menora selalu dipersembahkan melalui masyarakat Cina Peranakan pada setiap tahun iaitu 23/3 mengikut kalender Cina. Melalui penglibatan masyarakat Cina Peranakan dalam tradisi Menora tertubuhnya sebuah panggung yang dibina khas bagi untuk mempertunjukkan tradisi Menora. Lazimnya, pertunjukan Menora selalu diadakan sempena menyambut hari jadi “Tua ma” yang dirayakan selama 3 atau 4 hari (Hanapi Dollah, 1986).

Menurut Eyo Hock Seng, menyatakan bahawa setelah kematian Jokcin, Menora tidak lagi dipersembahkan dalam masyarakat Cina Peranakan (Eyo Hock Seng, 2017). Hal ini demikian kerana, Menora tidak diperturunkan atau dipelajari daripada anak-anak atau generasi keluarga Jokcin. Mungkin kesukaran untuk mempelajari Menora juga salah satu faktor Menora tidak dipelajari kerana menggunakan bahasa yang sukar untuk difahami iaitu bahasa Siam. Nyanyian yang diiringi dengan bahasa Siam bukan mudah untuk dipelajari tradisi Menora. Menurut Eyo Hock Seng lagi, walaupun masyarakat Cina Peranakan mahir dalam mempertuturkan bahasa Siam namun mereka sukar untuk memahami kerana menggunakan bahasa Siam yang mendalam (Eyo Hock Seng, 2017). Hal ini juga merupakan salah faktor masyarakat Cina Peranakan tidak memperturunkan tradisi Menora kepada generasi-generasi Cina Peranakan. Jika dibandingkan dengan masa kini, tradisi Menora diajar berdasarkan tarian dan bukannya berdasarkan nyanyian. Walaupun tradisi Menora sudah dipermodenkan namun tidak dihayati dengan sepenuhnya berdasarkan nyanyian malah mempraktikan kepada tarian sahaja. Justeru itu. Tradisi Menora tidak mendapat tempat dalam masyarakat Cina Peranakan disebabkan kekurangan pelapis malah menceburkan diri dengan kebudayaan yang lain misalnya wayang kulit dan sebagainya.

Sebaliknya pula, dalam masyarakat Siam di Kelantan tokoh yang terkenal dan membawa persembahan tradisi Menora dikenali sebagai Eh Chom a/l Eh Kuan. Eh Chom a/l Eh Kuan menetap di Tumpat Kelantan dan merupakan seorang penggiat dan penggemar dalam persembahan Menora (Eyo Hock Seng, 2017). Penglibatan beliau dalam tradisi Menora sehingga tertubuhnya sebuah kumpulan yang dikenali sebagai Kumpulan Menora Cahaya Bulan. Eh Chom a/l Eh Kuan merupakan seorang tokoh yang amat dikenali masyarakat melalui kemahirannya dalam membawa persembahan Menora. Kini, tradisi Menora dilihat kurang mendapat tempat dan dipersembahkan dalam kalangan masyarakat Cina Peranakan apabila golongan-golongan yang tua dan yang mahir sudahpun meninggal dunia. Penyerapan elemen Cina juga dilihat keterbelakang dan semakin hilang dalam pandangan masyarakat Cina Peranakan apabila persembahan itu tidak dipersembahkan lagi. Faktor yang jelas dilihat apabila persembahan Menora dilihat semakin hilang dari generasi ke generasi yang lain iaitu kekurangan pelapis dalam generasi muda. Golongan-golongan muda Cina Peranakan tidak mempunyai minat yang mendalam dalam kebudayaan ini malah ada sesetengah masyarakat Cina Peranakan tidak langsung mengetahui sejarah kewujudan Menora dalam kalangan mereka.

6.2 Kepercayaan masyarakat Cina Peranakan dalam persembahan Menora

Dalam sesebuah kebudayaan masyarakat, kepercayaan memainkan peranan penting. Kepercayaan ini bergantung kepada sesebuah masyarakat sama ada mahu mempercayai atau tidak mempercayai bahawa sesuatu peristiwa itu benar-benar sahih atau karut. Penyerapan elemen Cina dalam tradisi Menora dibuktikan melalui kepercayaan masyarakat Cina dalam

tradisi Menora. Cina Peranakan dilihat sangat mempercayai kepada perkara-perkara yang berunsurkan binatang. Pengambilan simbol binatang sebagai rujukan untuk menentukan untung rugi dalam kehidupan masyarakat Cina memberi satu gambaran betapa pentingnya kewujudan binatang-binatang dalam kehidupan manusia. Dalam masyarakat Cina, unsur binatang amat diketengahkan dalam kehidupan sehari-hari masyarakat tersebut apabila masyarakat tersebut amat mempercayai kepada binatang iaitu Naga. Kepercayaan terhadap naga sudah terbukti sejak beberapa dinasti yang terdahulu. Masyarakat Cina amat mempercayai kepada naga kerana melambangkan sebagai kekuasaan dan kekuatan dalam masyarakat Cina. Binatang seperti naga merupakan makhluk legenda dan mitos dalam kebudayaan masyarakat Cina.

Kepercayaan masyarakat Cina terhadap binatang iaitu naga iaitu memberi pengertian yang tertentu untuk memberi gambaran terhadap suasana Tahun Baru Cina yang disambut orang Cina. Tahun Cina dikaitkan sebagai tahun yang paling bertuah (Ann Wan Seng, 1994). Sifat-sifat yang ada pada naga dikatakan mempunyai persamaan yang sama dengan buaya. Mungkin dari segi lambang yang dimiliki kedua-dua binatang ini atau atau dari segi bentuk yang dimiliki daripada binatang tersebut. Buaya terkenal dalam kehidupan masyarakat melalui keistimewaan yang dimiliki iaitu mampu merasai perubahan dalam tekanan udara dengan jitu serta mengesan hujan yang turun. Sifat-sifat yang dimiliki naga mempunyai persamaan yang sama iaitu mampu mengawal hujan terutamanya hujan. Kepercayaan yang dapat dilihat dalam masyarakat Cina Peranakan dalam tradisi Menora memperlihatkan masyarakat tersebut amat mempercayai kepada buaya putih.

Hal ini disokong melalui pendapat responden yang menyatakan bahawa tradisi Menora berasal daripada seekor binatang iaitu buaya putih. Buaya putih menjadi binatang yang dipercayai dalam masyarakat Cina Peranakan. Buaya putih ini mempunyai lambang yang tersendiri iaitu dilambangkan sebagai unsur keberanian dan kehebatan. Perlambangan buaya putih ini sama sekali dikaitkan dengan naga yang menjadi kepercayaan daripada dinasti-dinasti yang terdahulu. Menurut Eyo Hock Seng menyatakan bahawa, masyarakat Cina Peranakan melarang ahli keluarganya bermain di sekitar-sekitar tebing sungai (Eyo Hock Seng, 2017). Masyarakat tersebut beranggapan bahawa sekiranya ahli keluarga mereka bermain di tepi-tepi sungai nescaya digangu melalui gangguan roh-roh buaya tersebut. Dalam kepercayaan, naga dikaitkan dengan air yang menjadi penguasa kepada perairan. Mungkin ini juga sama dengan sifat yang dimiliki buaya putih. Disebabkan kepercayaan ini, masyarakat tersebut melarang anak-anak mahupun cucunya bermain di tebing-tebing sungai kerana boleh mendatangkan bala dan musibah kepada keluarga tersebut.

Kepercayaan masyarakat Cina Peranakan terhadap buaya putih juga dilihat dari segi aksesori yang dipakai melalui watak pemaisuri. Masyarakat Cina Peranakan beranggapan bahawa kekompong yang dipakai pemaisuri tersebut juga memiliki ciri-ciri buaya putih yang mana dianggap sebagai buaya putih. Mungkin, ciri-ciri ini dilihat dari segi rupa bentuk yang dianggap seperti ekor buaya tersebut. Penyerapan elemen Cina dalam tradisi Menora dilihat masih kuat dalam kepercayaan masyarakat Cina Peranakan walaupun mereka masih mengekalkan identiti masyarakat Siam.

6.3 Pakaian Menora dalam komuniti Cina Peranakan

Pakaian juga merupakan satu keperluan yang penting dalam kehidupan masyarakat. Tanpa pakaian tidak lengkap kehidupan sesebuah masyarakat. Penyerapan Cina juga turut dilihat dari segi pamakaian dalam persembahan Menora. Melalui buku (*Adat dan Pantang Larang Orang Cina*, 1994) menyatakan bahawa warna merah merupakan warna yang paling penting

dan sangat digemari oleh orang Cina. Warna merah diberi membawa pengertian yang baik seperti kemasyhuran, kegembiraan, keriangan, kemeriah, kesejahteraan, kekayaan dan kemewahan yang melimpah-limpah Warna merah menjadi identiti dan pengenalan Orang Cina melalui kepentingan dalam upacara sembahyang, pemujaan dan adat istiadat orang Cina. Warna dan hidup manusia mempunyai pertalian yang rapat melalui simbol-simbol kelakuan manusia yang diterjemahkan melalui warna tersebut.

Warna-warna lain seperti hijau dan kuning, masyarakat Cina Peranakan mengkategorikan warna-warna ini berdasarkan kepekatan dan kejernihan warna yang bermula daripada putih kepada hitam (Ann Wan Seng, 1994). Penerimaan masyarakat Cina Peranakan terhadap warna hitam yang menandakan bahawa warna hitam bukanlah warna yang baik kerana menandakan nasib yang lain. Melalui ini, warna memainkan peranan penting dalam masyarakat Cina Peranakan. Masyarakat Cina Peranakan masih mengekalkan identiti yang diperturunkan nenek moyangnya iaitu dengan mengambil kira warna-warna dalam kehidupan sehari-hari mereka. Menurut Eyo Hock Seng, menyatakan bahawa lazimnya pakaian-pakaian Menora diperolehi daripada Thailand mengikut material kain itu sendiri (Eyo Hock Seng, 2017). Pakaian Menora hanya boleh didapati di Thailand sahaja kerana Thailand merupakan pembekal kepada pakaian tersebut. Pakaian-pakaian Menora sukar didapati di negeri Kelantan menyebabkan Cina Peranakan mengambil tindakan dalam memperolehi pakaian tersebut di Thailand sehingga menjadi tradisi dalam masyarakat tersebut. Pakaian yang diperoleh masyarakat Cina Peranakan dimudahkan lagi apabila mereka dapat memilih atau mengikut cita rasa dan kesesuaian Cina Peranakan dalam mendapatkan pakaian ini. Harga-harga yang dikenakan amat berpatutan iaitu dalam lingkungan RM400. Jika dilihat, penyerapan elemen Cina dalam pakaian amat sedikit untuk diperolehi apabila mereka masih menitikberatkan penyerapan Siam dalam pakaian tersebut. Namun, mereka masih mengekalkan identiti mereka iaitu pengekalan warna-warna yang menjadi lambang dalam kehidupan masyarakat Cina Peranakan.

Hal ini dapat dilihat dari segi lambang pakaian yang digunakan oleh watak pemaisuri itu sendiri. Menurut Eyo Hock Seng, menyataan bahawa setiap pakaian Menora mestilah mempunyai 3 warna yang penting yang terdiri daripada merah, hijau dan kuning (Eyo Hock Seng, 2017). Warna-warna ini memberi sesuatu yang bermakna dalam masyarakat Cina Peranakan yang mempercayai kepada warna-warna tersebut. Warna-warna ini dilambangkan sebagai keberanian dalam komuniti Cina Peranakan. Misalnya, warna merah seperti mana yang diterangkan pengkaji merupakan warna yang berperanan penting dalam komuniti Cina Peranakan. Warna merah menjadi lambang identiti dalam masyarakat tersebut sama ada dari segi upaca pemujaan dan sebagainya. Secara tidak langsung, warna merah dipilih dalam pakaian Menora bagi melambangkan keberanian dalam masyarakat tersebut apabila pakaian tersebut juga dipuja terlebih dahulu sebelum memulakan persembahan. Penyerapan melalui pakaian Menora iaitu warna menunjukkan bahawa masyarakat Cina Peranakan masih mengekalkan identiti nenek moyangnya dari segi pemilihan warna.

Pemilihan 3 warna ini juga dikaitkan dengan kepercayaan masyarakat Cina Peranakan yang mempercayai berunsurkan binatang iaitu buaya putih. Buaya putih menjadi lambang kepada masyarakat Cina Peranakan apabila masyarakat tersebut menganggap binatang ini sebagai lambang keberanian. Masyarakat Cina Peranakan juga menyifatkan bahawa ketiga-tiga warna ini dianggap lebih suci dan murni Warna hijau dan kuning dianggap berdasarkan kepekatan dan kejernihan iaitu menyifatkan bahawa warna-warna ini dapat menyerikan lagi tradisi Menora dalam masyarakat Cina Peranakan. Penyerapan elemen Cina bukan sahaja dilihat dari segi pakaian itu sendiri, namun dilihat dari segi motif kekompong yang menjadi salah satu aksesori yang dipakai melalui watak pemaisuri tersebut. Menurut Eyo Hock Seng,

menyatakan bahawa motif kecompong yang dipakai melalui watak pemaisuri tersebut dianggap sebagai lambang keberanian apabila masyarakat Cina Peranakan menganggap ianya sebagai buaya melalui reka bentuk tersebut.

7. Kesimpulan

Kesimpulannya, dalam kertas kerja ini, pengkaji tidak merangkumkan keseluruhan teori yang dikemukakan melalui Gordan. Malah, pengkaji menfokuskan kepada satu teori sahaja iaitu teori budaya yang berkaitan dengan sosial budaya komuniti Cina Peranakan. Pendekatan yang digunakan pengkaji jelas bersesuaian dengan komuniti Cina Peranakan yang mana mendedahkan kepada elemen-elemen Cina dalam persembahan Menora. Elemen-elemen Cina yang dapat dilihat dalam persembahan Menora seperti kewujudan Menora dalam kalangan komuniti Cina Peranakan, kepercayaan komuniti Cina Peranakan, dan pakaian dalam persembahan Menora. Walaupun elemen Cina ini tidak didapati secara keseluruhan apa yang dilihat komuniti Cina Peranakan lebih terarah kepada kebudayaan masyarakat Siam dan mengikuti segala kebudayaan itu sehingga menjadi tradisi dalam kalangan mereka. Bukan itu sahaja, elemen-elemen Cina peranakan juga mempunyai hubung kait dengan tradisi Menora seperti perkahwinan, persaudaraan, dan jati diri. Ketiga-tiga elemen ini telah mempengaruhi kemasukan elemen Cina dalam tradisi Menora. Hasil kajian yang didapati bahawa penyerapan elemen Cina dalam tradisi Menora bukan terjadi secara semula jadi malah terjadi melalui beberapa proses yang melibatkan perkahwinan dan sebagainya. Hasil daripada ini wujudnya elemen-elemen Cina dalam tradisi Menora.

Rujukan

- Ann Wan Seng. (1994). *Adat dan Pantang Larang Orang Cina*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Baharin Ilias. (2009). Cerita-cerita Menora: Suatu Analisis. *Latihan Ilmiah*. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Daeng Ramliakil. (1997). Saya sayang seni Menora. *Dewan Budaya Jun Vol (9)*: 50-51.
- Golden, Milton M. (1968). *Assimilation in American Life: The Role of Race of Religion, and National Origins*. New York: Free Press.
- Hanapi Dollah. (1986). *Asimilasi Budaya (Kajian kes komuniti Cina di Kelantan)*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ismail Hamid. (1988). *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- John J. Macionis. (1989). *Sociology, second edition*. New Jersey: Prentice Hall & Engle wood Cliffs.
- Ku Jok Kian. (1992). Menora: Satu Kajian Pakaian dan Perhiasan. *Latihan Ilmiah*. Jabatan Persuratan Melayu: Univesiti Kebangsaan Malaysia.
- Koentjaraningrat. (1990). *Sejarah Teori Antropologi II*. Jakarta: UI-Press.
- Mohd Faizal Halim. (2000). Cerita-cerita Menora Eh Chom Cahaya Bulan: Satu Analisis. *Latihan Ilmiah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Hafifi Hafiz Nasir. (2000). Kumpulan Menora Chom Cahaya Bulan: Satu Kajian Aspek persembahan. *Latihan Ilmiah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Nazri Ahmad. (2008). Menora: Satu Identiti Seni Budaya Kumpulan Kelantan. *Kertas Kerja*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohamed Ghous Nasuruddin. (2000). *Teater Tradisional Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustapha Fadhil Kamil. (1958). *Ringkasan Asal-Usul Menora*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa. Hlm 462-467.
- Nik Mohamed Nik Mohd. Salleh (pngr). (1992). *Warisan Kelantan XI*. Kuala Lumpur: United Selangor Press, Sdn, Bhd.
- Omar Farouk Bajunid (pnyt). (1989). *Esei-Esei Budaya dan Sejarah*. Kuala Lumpur: Asrama Za'ba, Universiti Malaya.
- Omar Farouk Bajunid (pnyt). (1989). *Pengantar Kesenian Kelantan*. Kuala Lumpur: Asrama Za'ba, Universiti Malaya.
- Raja Masittah Raja Ariffin. (1988). *Menora*. Kuala Lumpur: Dewan Budaya (Februari). Hlm 64
- Shamsul Amri Bahrudin. (2012). *Modal Hubungan Etnik Edisi Kedua*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tan Chee Beng. (1984). *Acculturation, assimilation and integration: The case of the Chinese*. Dalam S. Husin Ali (ed). *Ethnicity, Class and Development Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sains Sosial Malaysia.
- Wee Choo San. (1985). Kesedaran Ke Arah Mencari Identiti Etnik di Kalangan Orang Cina Kampung: Satu Kajian Kes di Kampung Tok Kong, Kota Bharu Kelantan. *Latihan Ilmiah*: Jabatan Persuratan Melayu Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusian (UKM).
- Temu Bual
- Eyo Hock Seng, (2017). Elemen Cina dalam Menora, Kelantan. Temu Bual, 1 April.